

# Khianat terhadap kereta, lelaki didenda RM10,000

**SIBU:** Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM10,000 atau penjara satu tahun terhadap seorang lelaki atas pertuduhan melakukan khianat dengan memecahkan cermin kereta milik seorang ejen pelancongan pada 3 Jun lepas.

Majistret Romario Jonoi turut mengarahkan tertuduh, Tang Kok Ming, 38, membayar ganti rugi RM550 kepada pemilik kenderaan atau penjara sebulan jika gagal membayar ganti rugi terbabit.

Tang terdahulu didakwa melakukan khianat dengan memecahkan cermin hadapan sebuah kereta di tempat parkir belakang sebuah hotel di Jalan

Market pada 3 Jun lalu, kira-kira jam 11.55 pagi.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 425 Kanun Keseksaan dan dihukum di bawah Seksyen 427 kanun sama, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang satu tahun dan tidak lebih lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit dengan kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pengadu yang bekerja sebagai seorang ejen pelancongan telah meletakkan kereta di tempat parkir belakang sebuah hotel di Jalan Market sebelum pergi ke tempat kerja.

Pada hari sama kira-kira jam 12 tengah hari, pengadu mendapati cermin hadapan

kereta telah pecah dipercayai dibaling menggunakan batu, dengan kerugian dianggarkan sebanyak RM1,000.

Pada 4 Jun, kira-kira jam 10.05 malam, pihak polis telah menangkap seorang lelaki iaitu tertuduh di Pintu Gerbang Sibu kerana dipercayai terlibat dengan kes tersebut.

Ketika disoal siasat, tertuduh mengaku memecahkan cermin hadapan kereta milik pengadu dengan kejadian itu telah disaksikan oleh seorang saksi.

Pendakwaan kes dikenalakan oleh Timbalan Pendakwa raya Keshava Rao A/L Tharma Raja sementara tertuduh tidak diwakili peguam.